JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of
Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 4 (2) | DISEMBER 2024: 50-66
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 2 Oktober 2024 Diterima : 30 November 2024 Atas Talian: 15 Disember 2024

METODOLOGI PENYUSUNAN HADITH OLEH AL-GHAZĀLĪ DALAM *MINHĀJ AL-'ĀBIDĪN*: ANALISIS BAB TAUBAT

THE METHODOLOGY OF HADITH COMPILATION BY AL-GHAZĀLĪ IN *MINHĀJ AL-'ĀBIDĪN*: AN ANALYSIS OF THE CHAPTER ON REPENTANCE

[i]*Umar Abd Rashid & [ii]Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi

[i]Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Johor

[ii]Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

Corresponding Author; E-Mail: *dzuldzulraidi@gmail.com

DOI :

ABSTRAK

Al-Ghazālī merupakan seorang sarjana Islam yang terkenal dan telah menghasilkan banyak karya berkualiti yang mendapat tempat di Nusantara, terutamanya di Malaysia. Salah satu karyanya ialah *Minhāj al-'Ābidīn* yang sering dijadikan silibus pengajaran di surau dan masjid. Walau bagaimanapun, terdapat kritikan terhadap penggunaan hadith oleh beliau dalam karya ini, serta metodologinya dalam memilih hadith, yang menimbulkan persoalan tentang cara penyusunan hadith oleh al-Ghazālī. Kajian ini memberikan perspektif baharu dengan tidak hanya menumpukan kepada analisis hadith, tetapi juga mengkaji perawi-perawi hadith tersebut, bagi memperoleh dapatan yang telus dan menghasilkan kajian yang lebih objektif. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumentasi untuk pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai kaedah analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak empat hadith dikemukakan oleh al-Ghazālī dalam bab taubat, di mana kesemuanya boleh ditemui dalam kitab-kitab hadith. Kajian ini juga menganalisis 35 perawi yang terlibat dalam hadith-hadith tersebut. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan terhadap bab-bab lain dalam kitab *Minhāj al-'Ābidīn* bagi memperoleh dapatan yang lebih lengkap dan kukuh.

Kata Kunci: al-Ghazālī; *Minhāj al-'Ābidīn*; hadith, perawi; metodologi penyusunan hadith

ABSTRACT

Al-Ghazālī is a renowned Islamic scholar who has produced many high-quality works that have gained recognition in the Nusantara, especially in Malaysia. One of his works is *Minhāj al-'Ābidīn*, which is often used as teaching material in suraus and mosques. However, there has been criticism regarding his use of hadith in this work, as well as his methodology in selecting hadith, raising questions about how al-Ghazālī organized the hadith in his writings. This study offers a new perspective by not only focusing on hadith analysis but also examining the narrators of these hadiths to obtain transparent findings and produce a more objective study. The methodology used in this research is a qualitative approach through document analysis for data collection and content analysis as the method of data analysis. The findings of this study show that al-Ghazālī presented four hadiths in the chapter on repentance, all of which can be found in hadith collections. This study also analyzed 35 narrators involved in these hadiths. Therefore, this study suggests that further research be conducted on other chapters in *Minhāj al-'Ābidīn* to obtain more comprehensive and robust findings.findings.

Keywords: Al-Ghazālī; *Minhāj al-'Ābidīn*; hadith, narrators; hadith compilation methodology.

PENDAHULUAN

Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, yang lebih dikenali sebagai al-Ghazālī, adalah seorang cendekiawan dan pemikir Islam terkemuka pada era pertengahan antara tahun 750 hingga 1250 Masihi (Kamal Azmi Abd Rahman 2023). Beliau terkenal dengan sumbangan besar dalam pelbagai bidang ilmu seperti teologi, falsafah, dan tasawuf (Gearon, 2017). Salah satu karya penting dihasilkan olehnya ialah *Minhāj al-'Ābidīn* yang ditulis pada penghujung hayatnya. Kitab ini dianggap sebagai karya terakhir al-Ghazālī dan menjadi rujukan utama dalam bidang tasawuf dan akhlak (Aminudin 2021). *Minhāj al-'Ābidīn* merupakan panduan rohani yang komprehensif bagi seorang hamba untuk mendekatkan diri kepada Allah. Ia mengandungi nasihat-nasihat mengenai pengendalian hawa nafsu, kepentingan taubat, serta cara-cara mendekatkan diri kepada Allah (Che Zarrina Sa'ari 2021). Salah satu bab penting dalam karya ini adalah bab ilmu, yang menekankan peri pentingnya ilmu dalam kehidupan seorang Muslim serta memberikan panduan tentang bagaimana mencari dan mengamalkan ilmu yang sahih.

Namun, kedudukan hadith-hadith dalam kitab *Minhāj al-'Ābidīn* sering menjadi perdebatan. Ini disebabkan oleh pandangan dari beberapa sarjana Islam yang mengkritik tahap pengetahuan al-Ghazālī mengenai hadith, seperti yang disebut oleh Sayyid Muhammad

‘Aqīl (1998). Selain itu, al-Ghazālī juga tidak menyertakan sanad yang lengkap atau menyatakan status hadith-hadith yang digunakan dalam karyanya (Dewi Komalasari 2017). Kritikan ini menimbulkan persoalan mengenai pendekatan al-Ghazālī dalam pengaturan hadith-hadith tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti metodologi al-Ghazālī dalam menyusun hadith-hadith di dalam *Minhāj al-‘Ābidīn*, terutamanya yang berkaitan dengan bab taubat.

Oleh yang demikian beberapa persoalan akan dijawab dalam kajian ini iaitu rujukan hadith-hadith yang dimasukkan dalam bab taubat *Minhāj al-‘Ābidīn*, status perawi-perawi yang meriwayatkan hadith-hadith tersebut dan status bagi hadith-hadith yang dimasukkan oleh al-Ghazālī.

Kajian juga telah melakukan semakan kajian-kajian lepas di pengkalan data *Google Scholar* tanpa menetapkan tempoh masa kajian dan mendapati tiada kajian lepas membahaskan mengenai topik yang sama. Terdapat kajian-kajian yang memfokuskan kepada subjek *Minhāj al-‘Ābidīn* namun tidak membahaskan mengenai metodologi penyusunan hadith beliau. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Rumusan Kajian-Kajian Lepas

NO.	PENULIS	TAJUK	TAHUN	OBJEKTIF KAJIAN
1.	Aminudin	Pemikiran Etika Sufistik Menurut al-Ghazali dalam Kitab Minhaj al-‘Abidin	2021	Mengkaji mengenai konsep etika sufi yang dibawa oleh al-Ghazālī.
2.	Mohd Afandi Mat Rani et. al.	The Book Of Minhaj Al-‘Abidin: The Contribution Of Al-Ghazali's Thought In The Moral Education Of Today's Society	2022	Membahaskan mengenai kontribusi al-Ghazālī dalam pendidikan moral berasaskan kitab *Minhāj al-‘Ābidīn*.
3.	Che Zarrina Sa'ari	Some Aspects of Sufism in Minhaj al-'Arifin of al-Ghazali	2021	Mengkaji mengenai asas-asas sufi yang dibahaskan oleh al-Ghazālī dalam *Minhāj al-‘Ābidīn*.

4.	Roslina Othman et. al.	A finite state model for a self-help system based on minhaj 'al Abidin	2016	Membangunkan dan menerapkan model keadaan terhingga (finite state model) ke dalam sistem bantuan diri berdasarkan konsep maqam dalam kitab Minhaj 'Al Abidin oleh Imam Ghazali.

Oleh yang demikian, terdapat kelompongan dalam kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan keperluan mendesak untuk kajian ini dijalankan. Ketiadaan kajian yang mendalam mengenai metodologi penyusunan hadith dalam *Minhāj al-ʻĀbidīn* mencerminkan jurang pengetahuan yang perlu diisi. Kajian ini bukan sahaja akan memberikan nilai tambah kepada kajian-kajian hadith, tetapi juga memperkaya pemahaman tentang karya al-Ghazālī, terutamanya dalam aspek penyusunan dan pemilihan hadith. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan literatur akademik dalam bidang hadith dan tasawuf, serta memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengkaji masa hadapan yang berminat dalam karya al-Ghazālī.

Biodata al-Ghazālī

Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, yang lebih dikenali sebagai al-Ghazālī (Mohd Hidayat Mahadi 2018), dilahirkan pada tahun 450 Hijrah / 1058 Masihi di Tus, Khurasan (Al-Rasyidin & S. Nizar 2005). Al-Ghazālī digelar sebagai *hujjat al-islām* kerana pengaruh besar beliau dalam pemikiran Islam (Wilan Jauhari 2018). Nama asal beliau adalah Muhammad, tetapi beliau lebih dikenali sebagai Abū Ḥāmid kerana anak lelakinya yang bernama Ḥāmid yang meninggal sewaktu masih bayi (Murtadā al-Zubaidī 1996). Mengenai asal usul nama al-Ghazālī, terdapat dua pandangan, salah satunya menyatakan ia berasal dari daerah kelahirannya, Gazalah, manakala pandangan lain mengatakan nama itu berasal daripada pekerjaan ayahnya sebagai penenun kain, dikenali sebagai Gazzāl (al-Ghazālī, 1993; Shariff 1994).

Al-Ghazālī merupakan ulama yang berpengaruh dalam pelbagai bidang, termasuk teologi, falsafah, dan tasawuf. Beliau mula dikenali ketika mengajar di madrasah Nizamiyyah di Baghdad. Namun, pada tahun 1095, beliau mengalami krisis spiritual yang menyebabkan

beliau meninggalkan jawatan dan mengembara sebagai seorang sufi selama lebih sedekad (Abdul Salam Hj Yussof 2005). Pengalaman ini memperdalam pemahaman beliau tentang kehidupan rohani dan mendorong kepada penulisan karya-karya besar seperti *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *Tahāfut al-Falāsifah* (Maududi 2009). Karya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* adalah sebuah ensiklopedia tentang kehidupan rohani dan etika Islam yang memberikan kesan besar kepada pemikiran Islam. Dalam karya ini, al-Ghazālī menekankan pentingnya memahami Islam bukan sekadar dari segi ritual, tetapi juga aspek rohani dan etika (Smart 2008; Wan Razali et. al. 2020). Beliau juga mengkritik ahli falsafah yang terlalu bergantung pada rasionalisme dan mengabaikan aspek rohani dan etika dalam Islam. Kritikan al-Ghazālī terhadap falsafah Yunani yang terkandung dalam *Tahāfut al-Falāsifah* menjadi satu titik perubahan dalam sejarah pemikiran Islam (Kamal Azmi Abd Rahman 2023).

Pengaruh al-Ghazālī melangkaui dunia Islam, di mana karya-karyanya diterjemahkan ke pelbagai bahasa dan dikaji oleh sarjana Barat. Sebagai contoh, orientalis terkenal seperti W.M. Gairdner dan Margaret Smith telah menterjemah dan mengkaji hasil tulisan beliau (Azlan Khalili Shamsudin 1991). Namun, al-Ghazālī juga dikritik oleh beberapa tokoh seperti Ibn Taimiyyah dan Ibn Rusyd. Ibn Taimiyyah mengkritik penggunaan hadith-hadith lemah dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan pengaruh falsafah Yunani dalam karya beliau (Abdul Salam Hj Yussof 2016). Walau bagaimanapun, kritikan ini tidak mengurangkan penghargaan terhadap al-Ghazālī sebagai seorang pemikir yang berjaya menyatukan ilmu dan spiritualiti dalam Islam.

Selain sebagai seorang pemikir, al-Ghazālī juga dikenal sebagai seorang reformis sosial. Beliau mengkritik sistem pendidikan zamannya yang memisahkan antara ilmu dunia dan ilmu agama, dan mencadangkan pendekatan pendidikan yang lebih menyeluruh yang menggabungkan kedua-duanya (Maududi 2009). Melalui karyanya, beliau turut memberikan sumbangan besar dalam memperbaiki moral dan agama masyarakat Islam dengan menjelaskan konsep-konsep etika dan spiritual secara mendalam (Maududi 2009).

Al-Ghazālī meninggalkan warisan intelektual yang besar yang masih mempengaruhi pemikiran Islam hingga ke hari ini. Karya-karyanya terus dikaji dan dihormati oleh para sarjana Islam dan bukan Islam, menjadikannya salah satu tokoh terpenting dalam sejarah pemikiran Islam (Abdul Salam Hj Yussof 2016).

Pengenalan kitab Minhāj al-Ābidīn

Kitab *Minhāj al-'Ābidīn* adalah salah satu karya besar dari al-Ghazālī. Kitab ini ditulis pada akhir hayat beliau dan dianggap sebagai karya terakhir yang dihasilkan oleh al-Ghazālī. Judul lengkap kitab ini adalah *Minhāj al-'Ābidīn* ilā al-Jannah yang bermaksud Jalan Para Ahli Ibadah Menuju Syurga. Namun, ia lebih dikenali dengan judul ringkasnya, *Minhāj al-'Ābidīn* (Aminudin, 2021).

Beberapa sarjana barat seperti Brockelmann, Massignon, dan Tāshkopru-zāde menerima bahawa *Minhāj* ditulis oleh al-Ghazālī, sementara yang lain seperti Palacios, Watt, dan Badawī meragui kesahihannya (Che Zarrina Sa'ari 2021). Palacios berpendapat bahawa *Minhāj* bukan karya al-Ghazālī kerana ia terdiri daripada artikel pendek tentang asketisme dan mistisisme yang tidak cukup untuk menyokong judul karya tersebut. Palacios juga menyatakan bahawa kitab ini tidak mempunyai prolog atau penjelasan sebab pengarang menulisnya, serta tidak menyebut karya lain al-Ghazālī, yang mana menurutnya menimbulkan keraguan terhadap keaslian kitab ini (Palacios 1952). Watt menyokong pandangan Palacios. Sebaliknya, Badawī turut meragui kesahihan *Minhāj* tetapi tidak bersetuju sepenuhnya dengan hujah Palacios (Watt 1949). Badawī menyatakan bahawa al-Ghazālī memang kadangkala tidak menyebut sebab penulisan dalam karyanya yang asli. Walau bagaimanapun, Badawī tidak memberikan contoh untuk menyokong dakwaannya (Che Zarrina 2021). Namun, Che Zarrina Sa'ari (2021) dalam kajiannya telah membuktikan kesahihan penisbahan penulisan ini dengan analisis perbandingan bersama karya-karya al-Ghazālī yang lain.

Kitab *Minhāj al-'Ābidīn* mengandungi panduan lengkap untuk mencapai tingkatan spiritual yang tinggi melalui ibadah dan akhlak yang mulia (Rani et. al. 2002). Al-Ghazālī memfokuskan kandungan kitab ini kepada murid-muridnya yang telah mencapai tahap tertentu dalam pengajian mereka. Salah seorang muridnya yang terkenal, Abd al-Malik telah menulis dan menyusun kitab ini berdasarkan arahan langsung dari al-Ghazālī (Aminudin, 2021).

Minhāj al-'Ābidīn terkenal dengan sistematikanya yang jelas dan tegas. Al-Ghazālī sendiri menilai kitab ini sebagai lebih unik dan tersusun berbanding karya agungnya yang lain, Ihya' Ulum al-Din. Karya ini menggabungkan ilmu-ilmu akhirat dan panduan ibadah yang bersifat batiniyah, yang tidak banyak dibicarakan dalam ilmu fiqh dan ilmu kalam (Che Zarrina 1998).

Al-Ghazālī dalam *Minhāj al-'Ābidīn* menekankan pentingnya mengendalikan hawa nafsu dan taubat sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Beliau menjelaskan bahawa nafsu adalah musuh dalaman yang paling berbahaya dan sukar diatasi. Oleh itu, al-Ghazālī mengajarkan bahawa mengendalikan hawa nafsu adalah langkah pertama yang mesti diambil oleh seseorang yang ingin mencapai kedekatan dengan Allah (Mohd Afandi Mat Rani et. al 2022).

Kitab *Minhāj al-'Ābidīn* juga dikenali kerana gaya penulisannya yang menggugah dan mendalam. Al-Ghazālī menggunakan bahasa yang indah dan penuh hikmah untuk menyampaikan nasihat-nasihat spiritualnya. Ini menjadikan kitab ini bukan sahaja sebagai panduan ibadah tetapi juga sebagai sumber inspirasi rohani bagi umat Islam (Aminudin, 2021).

Pengaruh *Minhāj al-'Ābidīn* sangat luas, baik di Timur mahupun di Barat. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan dikaji oleh sarjana-sarjana dari pelbagai latar belakang. Di Nusantara, pengaruh al-Ghazālī dan karya-karyanya, termasuk Minhaj al-'Abidin, sangat kuat dan terus menjadi rujukan utama dalam pengajian tasawuf dan akhlak (Aminudin, 2021). Secara keseluruhannya, *Minhāj al-'Ābidīn* adalah sebuah karya monumental yang mencerminkan kebijaksanaan dan kedalaman spiritual al-Ghazālī. Ia memberikan panduan yang jelas dan praktikal bagi sesiapa yang ingin mengabdikan diri kepada Allah dan mencapai kebahagiaan yang abadi. Karya ini terus menjadi sumber rujukan dan inspirasi bagi umat Islam di seluruh dunia

METODOLOGI

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Hal ini disebabkan, pendekatan kualitatif adalah yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji metodologi penyusunan hadith oleh al-Ghazālī

dalam *Minhāj al-'Ābidīn*, khususnya dalam menganalisis perawi pada bab taubat (Mohd Awang Idris et. al. 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti metodologi penyusunan hadith oleh al-Ghazālī. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF, dan perpustakaan digital seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*. Kajian ini juga akan mengumpulkan data dari karya-karya al-Ghazālī yang lain untuk memahami metodologi penulisan beliau. Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti metodologi penyusunan hadith oleh al-Ghazālī. Selain itu, analisis hadith dan perawi dalam *Minhāj al-'Ābidīn* juga akan merujuk berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan hadith yang muktabar.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang metodologi penyusunan hadith oleh al-Ghazālī dalam *Minhāj al-'Ābidīn*, serta untuk memahami pendekatan beliau dalam menilai dan memilih perawi hadith pada bab taubat. Analisis yang teliti terhadap sumber-sumber yang diperoleh akan memberikan pandangan yang mendalam tentang keunikan dan keistimewaan metodologi al-Ghazālī dalam penyusunan hadith. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan metode analisis kandungan, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang kajian hadith dan memahami sumbangan al-Ghazālī dalam bidang ini.

HASIL KAJIAN

Al-Ghazali setelah membicarakan tentang '*aqabah* (rintangan] ilmu meneruskan lagi perbincangan kitab Minhajul Abidin dengan '*aqabah* (rintangan) taubat. Beliau menyatakan bahawa terdapat dua alasan seseorang itu bertaubat kepada Allah S.W.T. Pertama sekali adalah supaya dia dibimbing dalam beribadah kepada Allah. Beliau menyebutkan akibat apabila seseorang terjerat dengan maksiat tersebut di dalam kitabnya:

> *Dengan keadaan yang terjerat [dengan] maksiat dan hati yang keras seperti itu, bagaimana mungkin orang tersebut dibimbing ibadahnya dan diterima khidmatnya? Bagaimana pula seseorang yang penuh dosa boleh hampir dengan Allah S.W.T dan memohon kepadanya?*

Alasan yang kedua pula adalah kerana taubat itu menjadi sebab diterima ibadat seseorang. Beliau membuat suatu perumpamaan:

> *Sesungguhnya, Tuhan [bagi] hutang itu tidak menerima hadiah .[Demikian] itulah juga taubat daripada dosa dan meredakan permusuhan adalah kewajiban yang wajib [dilaksanakan]. Sebahagian besar ibadah yang kamu hendak lakukan adalah [ibadat] sunat. Lantas, bagaimana mungkin sumbanganmu diterima sedangkan hutangmu belum dilunasi?! Dan bagaimana kamu meninggalkan yang halal dan dibenarkan demi sesuatu yang haram dan terlarang? Bagaimana kamu berdoa dan memohon kepada-Nya serta memuji-Nya, sedangkan Dia Kami memohon perlindungan kepada Allah S.W.T - sedang murka kepadamu?"*

Terdapat empat hadith yang digunakan al-Ghazali di dalam '*aqabah* (rintangan) taubat bagi menekankan kepentingan taubat. Kesemua hadith tersebut dikumpulkan dan disusun mengikut susunan asal kitab. Rujukan asas susunan adalah berdasarkan cetakan *Dār al-Minhāj* dengan *tahqīq* daripada Bu Jumu'ah Abd al-Qādir Mukrī kerana cetakan ini telah dibandingkan dengan beberapa manuskrip di Yaman, diperjelaskan perkataan-perkataan yang rumit dan di*takhrīj*kan hadith dan atsar yang terdapat di dalamnya. Begitu juga kesemua hadith dilabelkan mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan. *Takhrīj* dilakukan bagi mengetahui perawi bagi keempat-empat hadith tersebut. Selain itu, setiap hadith juga diterangkan sumbernya, bersama nombor hadith dan muka surat agar rujukan dapat dijalankan. Jika tiada nombor hadith, bab dan muka surat akan disertakan. Setiap hadith diletakkan nama serta status perawi yang digunakan sebagai objektif taburan. Status perawi ini diambil daripada karya Ibn Hajar al-'Asqālanī bertajuk *Taqrīb al-Tahdhīb* kerana ia menyatakan rumusan status perawi secara ringkas sementara cetakan *Dar al-Rashīd* dipilih kerana cetakan ini terdapat di dalam perisian *Maktabah al-Shamilah*, jika bukan akan dinyatakan. Setiap status perawi juga diletakkan kod di sebelahnya bagi tujuan semakan statistik berulang. Tambahan lagi, kesemua hadith hanya dipaparkan secara *atrāf* (pangkal teks hadith) sahaja agar dapat menjimatkan ruang kajian.

Jadual 2: Rumusan Takhrij Hadith dalam ‘Aqabah Taubat

KOD	TEKS HADITH	SUMBER	J/MS	STATUS HADITH
A1	إذا كذب العبد.. تنحى الملكان	*Sunan al-Tirmizī* (1972)	J 4 MS 50	*Hasan Gharīb* (al-Tirmizī, 1975)
A2	الندم توبة	*Sunan Ibn Mājah* (4252)	J 5 MS 322	*Sahīh* (Ibn Mājah, 2009 [Tahqiq Shuayb al-Arnaut])
A3	أن الله تعالى قال له : يا آدم ، أي جار كنت لك ؟	*Tārikh al-Dimashq* (7137)	J 56 MS 318	*Tidak Dijumpai*
A4	خياركم كل مفتن تواب	*Musnad al-Bazzār* (700)	J 2 MS 280	*Dha’īf* (Al-Albānī, 1992)
		Musnad al-Shihāb (1271)	J 2 MS 239	

Hasil kajian mendapati daripada empat hadith yang terdapat di dalam ‘*aqabah* (rintangan) taubat, 2 daripadanya iaitu A1, dan A2 terdapat di dalam *kutub tis‘ah* sementara dua lagi iaitu A3 dan A4 terdapat di dalam kitab yang jarang didengari seperti *Tārikh al-Dimashq, Musnad al-Bazzār*, dan *Musnad al-Shihāb*.

Setelah diteliti hadith-hadith tersebut, A1 merupakan hadith yang berstatus *hasan gharīb* sementara hadith A2 pula berstatus *sahīh*. Sementara selainnya iaitu A3 dan A4 pula masing-masing tidak dijumpai statusnya dan *dha’īf*.

Setelah itu, perawi-perawi bagi setiap hadith tersebut telah dapat dikenalpasti. Rumusan taburan status perawi hadith di dalam ‘*aqabah taubat* adalah berdasarkan jadual berikut:

Jadual 3: Rumusan Taburan Status Perawi Hadith di dalam ‘Aqabah Taubat

KOD	NAMA DAN STATUS PERAWI	SUMBER	J/MS
A1	1. AbduLlāh bin ‘Umar: *Sohābī* (Q1)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3490)	315
	2. Nāfi’: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7086)	559
	3. Abd al-‘Azīz bin Abī Rawwād: *Sodūq* (Q3)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4096)	357

	4.Abd al-Rahīm bin Hārūn al-Ghasānī: *Dha'īf* (Q9)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4060)	354
	5. Yahya bin Mūsā: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7655)	597
A2	1. AbduLlāh: *Sohābī* (Q1) [Yang dimaksudkan adalah AbduLlāh bin Mas'ūd (Muhammad Amin al-Harari, 2018)]	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3613)	323
	2. AbduLlāh bin Ma'qal: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3634)	324
	3. Ziyād bin Abī Maryam: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (2099)	221
	4. Abd al-Karīm al-Jazarī: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4154)	361
	5. Sufyān: *Thiqah* (Q2) [Yang dimaksudkan adalah Sufyān bin Uyaynah (Muhammad Amin al-Harari, 2018)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (2451)	245
	6. Hishām bin 'Ammār: *Sodūq Muqri'* (Q4)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7303)	573
A3	1. AbduLlāh bin Mas'ūd: *Sohābī* (Q1)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3613)	323
	2. Zir bin Hubaysh: *Thiqah* (Q2)	*Al-Thiqāt* (497)	1/370
	3. 'Aāsim ibn Abi al-Najūd: *Sodūq* (Q3)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3054)	285
	4. Hamād bin Salmah: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (1499)	178
	5. Al-Haytham bin Jamīl: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7359)	577
	6. Ahmad bin Abd al-Wāhid bin Sulaymān: *Sodūq* (Q3)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (71)	82
	7. Muhammad bin Sabah: *Tidak dijumpai status* (Q10)	-	-
	8. Abū al-Husayn bin Jamī': *Thiqah* (Q2)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (96)	17/152
	9. Abu Nasr bin Thullāb: *Tidak dijumpai status* (Q10)	-	-
	10. Abū al-Qāsim bin al-Samarqandī: *Thiqah* (Q2)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (13)	20/28
	11. Abū al-Hasan al-Fardhī: *Sodūq* (Q3) [Setelah meneliti pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para ulamā' hadith]	*Ikmāl Tahdhīb al-Kamāl* (3957)	5/353

	12. Abd al-Wahāb al-Kilābī: *Thiqah* (Q2)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (409)	16/557
A4	1. 'Alī bin Abī Thālib: *Sohābī* (Q1)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4753)	402
	2. Al-Nu'mān bin Sa'd: *Maqbūl* (Q5)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7156)	564
	3. Abd al-Rahman bin Ishāq: *Dha'īf* (Q9)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3799)	336
	4. Muhammad bin Fudhayl: *Sodūq* (Q3)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (6227)	502
	5. 'Alī bin Abī Thālib: *Sohābī* (Q1)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4753)	402
	6. Al-Nu'mān bin Sa'd: *Maqbūl* (Q5)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (7156)	564
	7. Abd al-Rahman bin Ishāq: *Dha'īf* (Q9)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (3799)	336
	8. Abd al-Wāhid bin Ziyād: *Thiqah* (Q2)	*Taqrīb al-Tahdhīb* (4240)	367
	9. Yūsuf bin Kāmil: *Sālih* (Q6)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (212)	21/417
	10. Ismā'īl bin Ishāq: *'Ālim Mutqin Faqīh* (Q7)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (157)	13/339
	11. Ahmad bin Muhammad bin Ziyād: *Al-Imām al-Muhaddith al-Thīqah* (Q8)	*Siyar A'alām al-Nubalā'* (299)	15/521
	12. Abd al-Rahman bin Abī al-'Abbāṣ: *Tidak dijumpai status* (Q10)	-	-

Hasil kajian mendapati sebanyak 35 orang perawi telah ditemui dalam hadith-hadith di dalam '*aqabah taubat* setelah di*takhrīj*.

Jadual 4: Rumusan Statistik Bilangan Perawi



Kajian mendapati bahawa hadith A4 ditemui di dalam kedua-dua *Musnad al-Bazzār* dan *Musnad al-Shihāb*. ~~B~~ilangan perawi di dalam *Musnad al-Shihāb* adalah seramai lapan orang sementara di dalam *Musnad al-Bazzār* pula hanya seramai empat orang sahaja.

Tambahan lagi, sebanyak 10 hasil status perawi telah ditemui setelah dijalankan analisis terhadap kesemua perawi tersebut. Sila rujuk jadual di bawah:

Jadual 5: Rumusan Senarai Status Perawi

KOD	SENARAI STATUS PERAWI
Q1	*Sohābī*
Q2	*Thiqah*
Q3	*Sodūq*
Q4	*Sodūq Muqri'*
Q5	*Maqbūl*
Q6	*Sālih*
Q7	*'Ālim Mutqin Faqīh*

Q8	*Al-Imām al-Muhaddith al-Thīqah*
Q9	*Dha'īf*
Q10	*Tidak dijumpai status*

Kod bermula daripada Q1 sehingga Q8 merupakan lafaz *ta'dīl* (pujian) sementara kod daripada Q9 pula merupakan lafaz *jarh* (kritikan). Kod Q10 pula tidak dijumpai statusnya di dalam kitab-kitab biografi perawi setakat kajian ini dijalankan.

Jadual 6: Rumusan Statistik Status Perawi



Kajian mendapati bahawa perawi yang berstatus *ta'dīl*, bermula daripada Q1 sehingga Q8 seramai 29 orang sementara perawi yang berstatus *jarh* pula, iaitu Q9 adalah seramai tiga orang. Manakala seramai tiga orang perawi lain tidak ditemui statusnya iaitu kod Q10. Perawi-perawi ini terdapat di dalam hadith yang digunakan oleh al-Ghazalī di dalam *'aqabah (rintangan) taubat*.

Justeru itu, hasil kajian telah menjawab persoalan sebelum ini mengenai rujukan hadith-hadith dalam *Minhāj al-'Ābidīn* khususnya bab taubat. Selain itu, kajian juga menjawab persoalan mengenai status perawi dan hadith dalam bab taubat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan metodologi penyusunan hadith oleh al-Ghazālī dalam bab taubat *Minhāj al-'Ābidīn* dengan menjawab tiga persoalan kajian utama. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dalam bab ini terdapat empat hadith yang dikeluarkan oleh al-Ghazālī. Dua daripadanya dijumpai dalam *al-Kutub al-Tis'ah*

manakala dua lagi hadith dijumpai selain daripadanya. Namun ia masih ditemui dalam kitab hadith bersanad. Analisis status hadith mendapati dua daripadanya dinilai autentik (*sahīh* dan *hasan gharīb*), satu dinilai *dha'īf* manakala baki satu yang lain tidak ditemui statusnya. Kajian menjawab persoalan lain dengan mengeluarkan analisis kesemua perawi daripada hadith-hadith tersebut dan melakukan penilaian. Hasil kajian mendapati sebanyak 29 orang perawi dinilai dengan *ta'dīl* manakala baki tiga yang lain dikritik oleh para ulama hadith. Tiga perawi tidak ditemui penilaian mengenai mereka dalam apa-apa karya biografi perawi.

Justifikasinya, disarankan agar kajian lanjut dijalankan terhadap bab-bab yang lain dalam kitab *Minhāj al-'Ābidīn* ini agar hasil yang tuntas dapat diperolehi.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Mara di atas sokongan dan kemudahan bagi menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Abdul Salam Hj Yussof, Pujian dan Kritikan terhadap Imam al-Ghazali, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* (2005)

Al-'Ijlī, Ahmad bin 'Abdullah, 1985. *Ma'rifat al-Thiqāt min Rijāl Ahl al-'Ilm wa al-Hadith wan min al-Dhu'afā' wa Zikr Mazahibihim wa Akhbarihim* (Tahqīq: Abd al-'Alīm Abd al-'Azīm, Madinah: Maktabah al-Dār.

Al-Albanī, Muhammad Nasir al-Dīn, 1992. *Silsilah al-Ahadith al-Dho'ifah wa al-Maudu'ah*, Riyadh: Dar al-Ma'ārif.

Al-Bazzār, Ahmad bin 'Amrū, 2009. *Musnad al-Bazzar Al-Bahr al-Zihar*, Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.

Al-Dhahabī, Muhammad bin 'Alī, 1985. *Siyar A'alām al-Nubalā'* (Tahqīq: Sekumpulan pentahqīq di bawah seliaan Shu'ayb al-Arna'ūt), Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad, 1993. *Al-Munqidh min al-Dhalāl wal Mufsih bil Ahwāl*. Disemak semula oleh Sameh Daghim, Beirut: Dārul Fikr Al-Lubnāni.

Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad, 2006. *Minhāj al-'Ābidīn* (Tahqīq: Bu Jumu'ah Abd al-Qādir Mukrī), Jeddah: Dār al-Minhāj.

Al-Hararī, Muhammad Amīn, 2018. *Murshid zawi al-Hijā wal al-Hājat ilā Sunan Ibn Mājah*, Jeddah: Dar al-Minhāj.

Al-Haytamī, Ahmad bin ‘Alī. 1986. *Taqrīb al-Tahdhīb* (Tahqīq: Muhammad ‘Awwamah), Syria: Dar al-Rashīd.

Al-Mubārakfūrī, Muhammad Abd al-Rahman, t.t. *Tuhfat al-Ahwādhī*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilamiyyah.

Al-Qadhā’ī, Muhammad bin Salāmah. 1986. *Musnad al-Shihāb* (Tahqiq: Hamdī bin Abd al-Majīd al-Salafī), Beirut: Dar al-Muassasah al-Risalah.

Al-Rasyidin & S. Nizar. 2005. *Filsafat Pendidikan Islam: Pendekatan Historis, Teoritis dan Praktis*. Ciputat: PT Ciputat Press.

Al-Tirmidhī, Muhammad bin ‘Isā. 1975. *Sunan al-Tirmidhī* (Tahqīq: Ahmad Muhamamd Shākir), Mesir: Musthofā al-Halabī.

Aminuddin, Pemikiran Etika Sufistik Menurut al-Ghazali dalam Kitab Minhaj al-‘Abidin, *Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu* 4(2) 2021.

Azlan Khalili Shamsudin, 1991. *Al-Ghazali dan Konsep Al-Nor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Zarrina Sa’ari, *A Study of Some Works of Sufism Commonly Attributed to al-Ghazali,* 1998. (tesis ijazah kedoktoran Universiti Edinburgh).

Che Zarrina Sa'ari (2021), Some Aspects of Sufism in Minhaj al-'Arifin of al-Ghazali Afkar: *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 4(1).

Dewi Komalasari (2017), *Takhrij Al-Hadits Dalam Kitab Minhaj Al-Abidin Karya Imam Al-Ghazali (Sebuah Kajian Analisis Sanad Hadith Dalam Bab Aqabah Al-Bawāits)*, (disertasi Sarjana Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta).

Gearon, E. (2017). *The History and Achievements of the Islamic Golden Age. In The Great Courses Plus*. Lihat: https://www.thegreatcoursesplus.com/the-historyand-achievements-of-the-islamic-golden-age.

Ibn ‘Asākir, Alī bin Hasan, 1995. *Tarikh Dimashq*, Damsyik: Dar al-Fikr

Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd, 2009. *Musnad Ibn Mājah* (Tahqīq: Shu‘ayb al-Arna’ūt), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah.

Kamal Azmi Abd. Rahman, Kedudukan Ilmu Falsafah dalam Islam Menurut al-Ghazali (1058-1111m), *Jurnal Sains Insani* 8(1) 2023.

M.M. Shariff 1994. *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, terjemahan oleh Khidmat Terjemahan Nusantara.

Miguel Asin Palacios, *La Mystique D'Al-Ghazali*, Forgotten Books: Perancis, 1952.

Mohd Afandi Mat Rani et al., (2022) The Book Of Minhaj Al-'Abidin: The Contribution Of Al-Ghazali's Thought In The Moral Education Of Today's Society, *International Journal of Mechanical Engineering*, 7(4).

Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, 76.

Mohd Hidayat Mahadi, *Imam al-Ghazali,* Buletin Acis Siri 6 (2018). Lihat: https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57962/1/57962.pdf.

Mughlatāy, 'Ala al-Dīn, 2011. *Ikmāl Tahdhib al-Kamāl* (Tahqīq: Muhamamd 'Uthmān), Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilamiyyah.

Murtadā al-Zubaidī, 2019. *Ithāf al-Sādah al-Mutaqīn bi-Sharh Asrār Ihyā 'Ulum Al-Dīn,* Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.

Rani, M. A. M., Said, S., Izham, S. S., Zulkifli, H. S. M., Hasanuddin, P. A., Saad, M. F. M., & Abbas, M. S. 2002. *The Book Of Minhaj Al-'Abidin: The Contribution Of Al-Ghazali's Thought In The Moral Education Of Today's Society*.

Roslina Othman et. al., (2016) A finite state model for a self-help system based on minhaj 'al Abidin, *Research Journal of Applied Sciences* 11(6).

Sayyid Abul A'la Maududi (2009) *A Short History of the Revivalist Movement In Islam*, Markazi Maktaba Islami Publishers: New Delhi.

Sayyid Muhammad Aqil (1998), *Al-Imām al-Ghazālī wa Ilm al-Hadīth*, Dār al-Hadīth: Mesir.

Smart, N. (2008). *Falsafah Dunia*. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Khairunneezam Mohd Noor, Mahazan Abdul Mutalib & Mohd Rushdan Mohd Jailani. (2020). Empat Sifat Mulia yang Utama dalam Kepemimpinan Berasaskan Qalb: Pelajaran daripada Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn oleh oleh Imam Al-Ghazali (450-505H / 1058-1111M). *Sains Insani*, 5(2), 141–156.

Watt Montgomery, The Authencity of the Works Attributed to al-Ghazali, *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1949.

Wildan Jauhari, *Hujjatul Islam Imam al-Ghazali*, Rumah Fiqih Publishing: Jakarta, 2018.